

26/02/2001

Pharaon buat kejutan

Ahmad Fauzi Mustafa; Rizar Mohd Noor

CUACA cerah sepanjang perlumbaan Grand Prix Powerboat Dunia Formula 1 (F1) Malaysia di Tanjung Puteri, Johor Bahru menyaksikan pelumba pasukan Green, Laith Pharaon, membuat kejutan apabila buat pertama kali menjuarai pusingan pembukaan, sekali gus mencatatkan sejarah tersendiri buat dirinya dalam perlumbaan bot berkuasa tinggi dunia F1.

Pelumba Arab Saudi itu mencatat 55 minit 30.52 saat bagi menghabiskan 60 pusingan, sekali gus mengutip 20 mata bagi kejohanan perlumbaan bot berkuasa tinggi dunia itu.

Tempat kedua dimenangi pelumba pasukan dari Finland, Sami Selio, yang memandu DAC dengan catatan 55:31.34s, manakala ketiga, pelumba muda Itali, Francesco Cantando, 55:32.00s.

Bermula dari petak keenam, Pharaon yang memiliki catatan ujian masa terbaik, 42.18s sepusingan kelmarin, memulakan perlumbaan dengan baik bersama pemandu dari Latvia, Victor Kunitch, untuk meninggalkan juara dunia tahun lalu, Scott Gillman yang memandu Burgess.

Pharaon yang memandu DAC dengan enjin Mercury 2.5 kuasa kuda sentiasa bersaing rapat dengan Kunitch sebelum mendahului selepas pusingan ke-12.

Menyedari Gillman terkeluar daripada perlumbaan selepas empat pusingan berikutan masalah kuasa enjin, Pharaon mula memecut dengan baik walaupun berlaku beberapa insiden membabitkan pelumba lain, termasuk bot terbalik.

"Saya sedar saingan hebat Selio dan Cantando, lebih-lebih lagi di saat-saat akhir perlumbaan. Tetapi dengan pemanduan yang konsisten sehingga tamat perlumbaan, ia tidak menjadi masalah. Kemenangan ini adalah sesuatu yang membanggakan buat musim ini," kata Pharaon yang pernah muncul juara Offshore Racing World Powerboat sebanyak tiga kali.

Lebih 100,000 penonton tempatan membanjiri sekitar Tanjung Puteri, Johor Bahru bagi menyaksikan Kejohanan Grand Prix Powerboat Dunia F1 Malaysia, yang julung kali diadakan di negara ini.

Antara yang hadir termasuk Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Pemangku Sultan Selangor, Tengku Idris Shah Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Promoter Union Internationale Motonautique (UIM), Nicolo di San Germano.

Bagaimanapun, pelumba tempatan gagal melakarkan sesuatu yang bermakna di kejohanan ini. Bermula dengan Simon Saw, yang mewakili pasukan Waircom-Malaysia Airlines yang gagal memulakan perlumbaan kerana masalah teknikal, ia berakhir dengan pelumba yang mewakili Caltex Havoline Racing Team, K Y Loi, yang terbabit dalam pelanggaran ketika pusingan kesembilan.

Namun, Arab-Malaysian Team membuat pencapaian terbaik menerusi pelumba dari Perancis, Philippe Dessertenne, yang memandu DAC, menduduki tempat keempat keseluruhan dengan catatan 55:35.35s.

ni membolehkan pasukan negara yang pertama kali bertanding dalam perlumbaan bot berkuasa tinggi F1 mendapat sembilan mata kejohanan, sekali gus memberi semangat awal dalam pusingan kedua di Portugal, awal April depan.

Bagaimanapun, nasib tidak menyebelahi bekas juara dunia empat kali, Jonathan Jones, yang pada awalnya berada kelompok empat teratas sehingga 25 pusingan pertama.

Namun, pemandu dari England itu mengalami masalah enjin sehingga menyebabkan dia terkeluar sehingga pusingan ke-30.

Secara keseluruhan, hanya 11 daripada 24 pelumba menamatkan perlumbaan.

